

29 MAR 2000

PEMUDA UMNO KESAL LAPORAN STRAITS TIMES SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini mempersoalkan keikhlasan media Singapura, khususnya The Straits Times dalam memelihara hubungan baik dua hala Malaysia-Singapura.

Pemangku ketua pergerakan itu Datuk Hishammuddin Hussein berkata, apa yang dilakukan oleh kolumnis akhbar itu Chua Lee Hoong ternyata bertujuan mengeruhkan lagi keadaan tanpa mengambil kira sensitiviti serta menghormati kedaulatan negara jiran.

"Saya selaku Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia menyelar sekeras-kerasnya kenyataan itu yang dianggap biadap dan berniat serong terhadap kemajuan Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat pasca Kabinet di pejabatnya, di sini hari ini.

Menurutnya, sebagai sebuah negara jiran yang mempunyai pelbagai kesamaan dari segi komposisi kaum, agama dan budaya, media Singapura sepatutnya bersikap lebih sensitif dan memahami perasaan rakyat Malaysia.

"Apa yang lebih dikesalkan perkara seumpama ini bukan kali pertama berlaku malah telah berulang kali. Ini menunjukkan mereka tidak ikhlas membantu memperbaiki hubungan atau menjernihkan keadaan," katanya.

Dalam ruangnya Sabtu lepas, Chua mengkritik Malaysia sebagai satu-satunya negara di Asia yang tidak mengalami perubahan kepimpinan pada dekad lepas, juga mengenai dasar ekonomi Malaysia semasa krisis Asia, terutama kawalan modal terpilihnya di samping menggelar Dr Mahathir sebagai "top dog".

-- BERNAMA

HRS zb